

Oleh Mohd Khairulhusaini Mohd Saad
bhvarsiti@bharian.com.my

KOTA KINABALU: Pasukan 'The Rhapsody' dari Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI) mengungguli Pertandingan Penciptaan Perisian Imagine Cup Malaysia 2012, di sini, baru-baru ini.

Kemenangan itu diraih menerusi perisian WizBoard yang memberi kemudahan kepada guru menyampaikan pengajaran tanpa sempadan melalui beberapa ciri unik yang dibangunkan di dalam perisian itu.

Universiti Putra Malaysia (UPM) pula mencipta sejarah apabila dua pasukannya menduduki tempat kedua dan ketiga melalui perisian yang menggalakkan aktiviti kitar semula dan permainan simulasi kepada bakal bapa untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan kehamilan.

UCTI akan mewakili Malaysia dalam pertandingan akhir di Sydney, Australia, bulan depan.

Pengurus Besar (Program Akademik Global) Microsoft, Moorthy Uppaluri, berkata Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai

UCTI juara Imagine Cup Malaysia 2012



DR AHMAD YUSUFF (kanan), Ab Rahim, Dr Abu Hassan dan Ananth Lazarus.

tuan rumah berjaya menganjurkan pertandingan itu menerusi perancangan rapi yang menepati standard tinggi.

"Pertandingan akhir peringkat kebangsaan ini diharap memberikan impak dalam bidang penciptaan perisian terbaru, bagi membantu menyelesaikan pelbagai masalah global," katanya ketika berucap dalam Majlis Makan Malam dan Pengumuman Pemenang Imagine Cup 2012, baru-baru ini.

Majlis dihadiri Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang juga Pengerusi sekretariat pertandingan, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Nor, Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Ananth Lazarus dan Ketua Pegawai Eksekutif Prestariang System Sdn Bhd, Dr Abu Hassan Ismail.

Pertandingan Imagine Cup yang diasaskan oleh Microsoft mendapat sokongan penuh kementerian dan Multimedia Development Corporation (MDeC).

Sebanyak 30 pasukan daripada universiti awam dan swasta berentap dalam pertandingan itu.